

Sikap degil pekebun punca tragedi

MUKADIMAH

5 SOALAN

KEJADIAN tanah runtuh di Kuala Terla, Cameron Highlands hingga mengorbankan tiga nyawa semalam mengundang pelbagai persoalan dalam kalangan rakyat terutama tentang langkah pencegahan yang diambil pihak berkuasa.


Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **AZRUL HAKIMIE ANUER**, Ahli Parlimen Cameron Highlands, **DATUK C. SIVARRAJH** menceritakan mengenai situasi terkini dan tindakan yang boleh diambil supaya tragedi sama tidak berulang.



UTUSAN MALAYSIA

839

16/10/2018



UTUSAN: Apa situasi semasa di kawasan runtuh?

Sivarraajh: Kawasan itu kita tutup. Saya sudah minta polis dikeluarkan penduduk dan jika mereka masih enggan keluar, kita akan minta bantuan Jabatan Imigresen untuk persihkan kawasan itu kerana mereka adalah pendatang asing yang tidak mempunyai permit pekerjaan.

Isu tanah runtuh ini bukan perkara baharu. Apa tindakan YB?

Saya sudah berhubung dengan semua agensi di Cameron Highlands supaya masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin. Saya juga amat berharap kerajaan Persekutuan dapat membantu saya dengan memberikan sokongan yang sepatutnya.

Apa masalah sebenar di sana?

Kita ada langkah dan prosedur untuk elak tanah runtuh tetapi malangnya sikap pekebun kecil yang menjalankan kegiatan penerokaan hutan baharu tidak terkawal. Walaupun kita ada agensi kerajaan yang mengawal, namun mereka tetap akan mencari jalan untuk bina kebun dan inilah punca utama berlakunya tanah runtuh.

Bagaimana keselamatan penduduk di Cameron Highlands sekarang?

Lokasi insiden semalam memang bukan tempat untuk diduduki. Kawasan itu adalah lereng bukit bersebelahan sungai. Secara keseluruhannya, penduduk selamat kerana mereka mempunyai rumah yang baik, tempat yang baik.

Apa perlu dilakukan selepas ini supaya kejadian

Dari aspek kerajaan tempatan, kita perlu kawal pemberian tanah dan kalau pekebun tidak patuhi peraturan, kita boleh ambil balik tanah mereka. Wujudkan semula Ops Gading yang berjaya mengurangkan kegiatan penerokaan haram yang telah beri impak positif kepada kesan tanah dan banjir kilat.

KRONOLOGI

KES TANAH RUNTUH DI CAMERON HIGHLAND

- 9 JANUARI 2000**
KM81.6 Jalan Brinchang-Kampung Raja
- 7 OGOS 2011**
Sungai Ruil
- 10 NOVEMBER 2013**
Jalan Sultan Abu Bakar, Brinchang
- 24 FEBRUARI 2014**
KM52 Jalan Tapah-Tanah Rata berhampiran Kampung Habu
- 5 NOVEMBER 2014**
Jalan Ulu Merah, Ringlet
- 30 DISEMBER 2014**
KM46 Jalan Brinchang-Tringkap
- 25 DISEMBER 2016**
KM59 Jalan Ringlet-Tanah Rata berhampiran Pangsapuri Oly
- 3 JANUARI 2017**
KM97 Jalan Gua Musang-Cameron Highland
- 3 FEBRUARI 2018**
Jalan utama Sungai Koyan ke Cameron Highlands
- 14 OKTOBER 2018**
Kuala Terla



Cameron Highlands berisiko tinggi hadapi tanah runtuh Mungkin berlaku lagi

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 OKT.

HANYA menunggu masa. Itulah gambaran tepat berhubung keadaan dan struktur tanah di sebahagian tempat di Cameron Highlands, Pahang yang berisiko tinggi berlakunya kejadian tanah runtuh pada masa akan datang.

Situasi bertambah runcing apabila tiba musim hujan dan tiada tindakan serta pemantauan secara berkala pihak berkuasa diambil bagi mengelak kejadian berkenaan berlaku.

Pengarah Geokejuruteraan

INFO

Jumlah pelancong ke Cameron Highlands

2013	728,131 orang
2014	590,481 orang
2015	904,899 orang
2016	1,007,992 orang
2017	1,332,257 orang

Sumber: Pejabat Pelancongan Pahang


Tropika (Geotropik), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Edy Tonnizam Mohamad berkata, aktiviti menaruh bukit untuk membangunkan ladang sayuran menjadi salah satu punca berlakunya mendapan tanah

sehingga berisiko menyebabkan tanah runtuh.

Malah, katanya, semakin tinggi dan curam sesuatu kawasan, semakin kurang kestabilannya terutama jika berlaku aktiviti yang menjadi penyumbang hakisan tanah.

"Kita perlu faham apabila satu-satu kawasan di tarah, tanahnya terdedah kepada agen hakisan dan mewujudkan struktur tanah longgar serta tidak stabil kerana tiada pelindung atau tanaman penutup bumi terutama di kawasan cerun bukit.

"Tambahan pula, tanah di Cameron Highlands adalah jenis granit bersifat gembur dan senang terhakis jika ada aktiviti meneroka hutan, lebih-lebih lagi ketika hujan.



Semua pihak bantu tangani penerokaan haram

PEKAN 15 Okt. - Kerajaan negeri mahu kerjasama semua pihak termasuk orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mengekang pence-robahan haram sehingga mengundang bencana di Cameron Highlands dekat sini daripada bertambah parah.

Pengerusi Jawa-tankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin (**gambar**) berkata, pelbagai

usaha dilakukan termasuk penguatkuasaan dan taklimat berkaitan kepada penduduk setempat namun kejadian sama masih berulang.

"Beberapa kali kita ingatkan, jangan teroka tanah secara haram, bina bangunan atau rumah tanpa spesifikasi yang sah, sehinggakan pemimpin tertinggi negara turun padang.

"Namun masih tidak memberi kesedaran kepada sesetengah pihak se-

hingga kejadian tidak diinginkan berlaku yang mengorbankan nyawa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Sharkar berkata, apa yang lebih mengecewakan apabila tindakan tegas dilakukan terhadap NGO yang cuba mempertahankan individu terlibat.

"Bila kita minta kosongkan tanah, contohnya dengan beberapa tindakan, ada yang cuba mempertahankan mereka.

"Saya harap semua pihak berganding bahu meskipun hanya sekadar menyalurkan maklumat," katanya.



Umpama curah air ke daun keladi - MNS

KUANTAN 15 Okt. - Peringatan pertubuhan alam sekitar supaya aktiviti penerokaan di kawasan tanah rendah hingga ke lereng bukit untuk dijadikan ladang sayur di Cameron Highlands dikawal sebagai antara langkah mengelak bencana, umpama mencurahkan air ke daun keladi.

Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) negeri, Noor Jehan Abu Bakar (**gambar**) berkata, hal itu kerana aktiviti berkenaan masih berleluasa sehingga tragedi

tidak diinginkan berterusan berlaku di kawasan tanah tinggi berkenaan.



"Sudah lima tahun kami menyuarakan perkara ini kerana penerokaan terutama di kawasan cerun yang meningkat, tetapi apa yang pihak berkuasa lakukan untuk mengelakkan kejadian ini berulang?"

"Kami seperti burung kakak tua, bercakap perkara sama berulang kali namun pihak-pihak berkaitan seolah-olah tidak mengambil pengajaran de-

ngan kejadian buruk yang berlaku di Cameron Highlands setiap tahun," katanya di sini hari ini.

Noor Jehan berkata, semua aktiviti penerokaan tanah untuk ladang sayur di tanah tinggi berkenaan perlu dihentikan dan satu kajian menyeluruh tentang kemampuan kawasan tersebut menampung limpahan air permukaan, laluan air menuruni cerun serta pengu-urusan tebing sungai atau parit perlu dilakukan.

"Hasil kajian ini akan memberi maklumat tentang kesan aktiviti perladangan di Cameron Highlands sama ada wajar diteruskan atau sebaliknya," katanya.

TANAH granit di Cameron Highlands bersifat gembur dan mudah terhakis serta berlakunya tanah runtuh. - **GAMBAR HIASAN**

Oleh itu, tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya ancaman lagi selepas ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, tiga pekerja Myanmar maut akibat tanah runtuh di Batu 49, Kampung Tiga, Kuala Terla dalam kejadian kira-kira pukul 3 pagi selepas hujan lebat.

Dalam pada itu, Edy Tonnizam berkata, sebarang aktiviti yang menyumbang kepada hakisan tanah perlu dihentikan serta-merta terutama pada musim hujan.

"Apabila sesuatu kawasan pernah berlakunya tanah runtuh, ia boleh berlaku lagi kerana struktur tanah menjadi longgar dan mempunyai

"Kita perlu faham apabila satu-satu kawasan di tarah, tanahnya terdedah kepada agen hakisan dan mewujudkan struktur tanah longgar serta tidak stabil."

**EDY TONNIZAM
MOHAMAD**

ruang berlakunya pergerakan melibatkan air dan campuran tanah," katanya.

Penduduk mahu tindakan lebih tegas diambil

CAMERON HIGHLANDS 15

Okt. - Penerokaan semula tanah pertanian haram dan hujan lebat berterusan menjadi antara punca kejadian tanah runtuh sehingga mengorbankan tiga nyawa di Batu 49, Kampung Tiga, Kuala Terla di sini semalam.


Seorang penduduk, **Mohd. Hanif Abdullah**, 34, berkata, penerokaan secara haram itu tidak sepatutnya berlaku lagi setelah pelbagai langkah penguatkuasaan dilakukan oleh agensi-agensi penguat kuasa sejak tahun 2014.

"Kejadian tanah runtuh yang mengorbankan nyawa ini juga berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pemilik kebun apabila membenarkan pekerja mereka membina pondok di lereng atau kaki bukit.

"Sekiranya berlaku sesuatu seperti tanah runtuh atau banjir lumpur, mereka akan lepas



MOHD. HANIF



MOHD. NASIR

tangan dan meletakkan risiko keselamatan atas tanggungjawab pekerja sendiri," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, tindakan dan pemantauan tegas serta berterusan perlu dilakukan dan tidak hanya berjalan secara bermusim terutama hanya ketika sesuatu kejadian berlaku.

Sementara itu, seorang peniaga, **Mohd. Nasir Mohd. Salleh**, 66, berkata, keadaan cuaca tidak menentu menye-

babkan penduduk bimbang dengan kejadian tanah runtuh mahupun banjir kilat yang akan menjejaskan aktiviti harian mereka.

Oleh itu, katanya, semua agensi terlibat perlu menjalankan pemantauan lebih kerap di kawasan tanah tinggi tersebut terutama cerun bukit yang didiami pekerja warga asing.

"Kebanyakan pemilik kebun lebih gemar bersikap lepas tangan lebih-lebih lagi apabila melibatkan pekerja warga asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen.

"Saya berharap agar Majlis Keselamatan Negara (MKN) menerajui semula operasi di sini kerana tindakan agresif mereka memberi impak positif dalam membanteras aktiviti pencerobohan tanah pertanian secara haram dan lambakan pekerja warga asing," katanya.